

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BADMINTON
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI & WANITA)**

1.1 PERATURAN AM

- 1.2 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang **Persekutuan Badminton Dunia (BWF)** serta **Persatuan Badminton Malaysia**.
- 1.3 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.4 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.4.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.4.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang **Persekutuan Badminton Dunia (BWF)**.
- 1.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.1 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.2 Taklimat Pengurus Pasukan : **11 Oktober 2025**.
- 2.3 Pertandingan ini akan bermula pada : **12 hingga 16 Oktober 2025**.

3.1 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.2 Pertandingan ini akan diadakan di **Akedemi Badminton Dewan Ji Min, Tawau**.

4.1 PENYERTAAN

- 4.2 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah penuh di Negeri Sabah.
- 4.3 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada :

	Lelaki	Wanita
Pengurus	1 orang	
Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	8 orang	8 orang
Jumlah	10 orang	10 orang

5.1 KELAYAKAN PESERTA

- 5.2 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2013** sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.3 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran.

- 5.4 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sewaktu mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan.
- 5.1 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.2 Jurulatih Badminton setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan BAM Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.1 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.2 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan bermula. Masa dan tarikh akan dimaklumkan kelak.
- 6.3 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta berserta dengan Kad Pengenalan. ***** Pertukaran acara dan Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.4 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.
- 6.5 '**Seeding**' akan ditentukan oleh Jawatankuasa Seeding SBA sebelum undian. Tarikh undian akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Jadual Perlawanan akan diedarkan sewaktu mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

7.1 ACARA-ACARA

- 7.2 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 7.2.1 **Individu:**
- 7.1.2.1 Perseorangan Lelaki
 - 7.1.2.2 Beregu Lelaki
 - 7.1.2.3 Perseorangan Wanita
 - 7.1.2.4 Beregu Wanita
 - 7.1.2.5 Beregu Campuran

- 7.3 Seorang peserta hanya dibenarkan untuk mengambil dua (2) acara sahaja:

8.1 SISTEM PERTANDINGAN

8.2 Pertandingan Acara Individu

- 8.2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar sebanyak maksimum 2 (dua) penyertaan dalam setiap kategori berikut:
- | | |
|-----------------------------|----------|
| 8.2.1.1 Perseorangan Lelaki | 2 orang |
| 8.2.1.2 Beregu Lelaki | 2 Beregu |
| 8.2.1.3 Perseorangan Wanita | 2 orang |
| 8.2.1.4 Beregu Wanita | 2 Beregu |
| 8.2.1.5 Beregu Campuran | 2 Beregu |

- 8.2.2 Setiap pemain dibenarkan bermain dalam dua (2) kategori sahaja.

- 8.2.3 Pertandingan dijalankan secara kalah mati (Knock out)
- 8.2.4 Sistem Rali Mata (Rally Poin System) : " 3 X 21 points "
- 8.2.5 Bulu Tangkis yang diguna dalam Pertandingan ialah **ASHAWAY Gold (SUKMA)**.
- 8.2.6 Setiap pasukan hendaklah beranggapan bermain lebih dari satu perlawanan dalam satu (1) hari, jika dijadualkan bermain lebih dari satu perlawanan dalam satu (1) hari maka masa rehat selama tiga puluh (30) minit akan diberikan di antara perlawanan tersebut.

9.1 MENARIK DIRI

- 9.2 Pemain yang terlewat lima belas (15) minit dari masa yang dijadualkan bermain adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

10.1 BANTAHAN/TATATERTIB

- 10.2 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM200.00** tunai.
- 10.3 Wang pertaruhan akan lupsus jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 10.4 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Referi Kehormat Kejohanan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas perlawanan yang berkenaan tersebut tamat.

11.1 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.2 Pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah seperti berikut:
 - 11.2.1 Setiausaha, Persatuan Badminton Negeri Sabah;
 - 11.2.2 Pengarah Pertandingan yang dilantik oleh Persatuan Badminton Negeri Sabah;
 - 11.2.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan itu;
 - 11.2.4 Referi Kehormat Kejohanan;
 - 11.2.5 Teknikal Delegat Sukan Badminton Sukan Sabah XI, Tawau 2025 (yang akan memanggil dan mempengerusikan mesyuarat).
- 11.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Referi Kehormat dan akan membuat keputusan sama ada tindakan tatatertib perlu diambil.
- 11.4 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

12.1 HADIAH

12.2 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

Kategori Lelaki		Emas	Perak	Gangsa
1.	Perseorangan Lelaki	1	1	1
2.	Beregu Lelaki	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Jumlah		2 (3)	2 (3)	2 (3)

Kategori Wanita		Emas	Perak	Gangsa
1.	Perseorangan Wanita	1	1	1
2.	Beregu Wanita	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Jumlah		2 (3)	2 (3)	2 (3)

Kategori Campuran		Emas	Perak	Gangsa
1.	Beregu Campuran	1 (2)	1 (2)	1 (2)
Jumlah		1 (2)	1 (2)	1 (2)

12.3 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.

13.1 PAKAIAN

- 13.2 Nama daerah tercetak dibelakang baju pemain adalah wajib di semua peringkat pertandingan badminton.
- 13.3 Nama pemain tercetak dibelakang baju pemain adalah digalakkan di semua peringkat pertandingan badminton.